

26 AUG 2002

Najib-Kereta kebal

PAKEJ PEMBELIAN KERETA KEBAL MUNGKIN DIKAIT DENGAN PENJUALAN KOMODITI

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Pakej pembelian 48 kereta kebal tempur PT91M dan 14 kenderaan sokongan dari Poland mungkin akan dikaitkan dengan penjualan komoditi Malaysia kepada Poland.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pakej pembelian itu akan turut membabitkan ofset lain seperti pemindahan teknologi dan latihan.

"Dalam sedikit masa lagi kita akan memulakan perbincangan komersial untuk menentukan harga pakej pembelian kereta kebal dari Poland.

"IsyaAllah perkara ini akan kita cuba selesaikan dalam masa dua tiga bulan yang akan datang," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Menteri Hal Ehwal Luar Poland Dr Wlodzimierz Cimoszewicz di Kementerian Pertahanan di sini hari ini.

Najib berkata rundingan komersial itu dijangka selesai sebelum akhir tahun ini.

Jadual penghantaran pertama kereta-kereta kebal itu, yang akan dipasang di Poland dan disepadukan dengan beberapa komponen lain di Malaysia, dijangka mengambil masa kira-kira setahun, katanya.

Kereta kebal itu akan ditempatkan di Kor Amor Diraja, katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan keputusan kerajaan untuk membeli kereta kebal itu semasa lawatannya ke Poland pada bulan Mac.

Pada pertemuannya hari ini dengan Cimoszewicz, Najib telah memaklumkan kepada beliau bahawa segala urusan perbincangan teknikal dengan pihak Poland berhubung pembelian kereta kebal itu telahpun selesai.

Perbincangan teknikal itu antara lainnya meliputi spesifikasi keperluan tentera darat termasuk segala subsistem.

"Menteri Luar Poland itu telah bertanya tentang perkembangan hasrat kita untuk membeli kereta kebal dari negara Poland kerana bagi kerajaan Poland ini merupakan satu pembelian yang amat besar kepada mereka.

"Sebab itulah mereka meletakkan perhatian yang berat kepada keputusan kita untuk menjayakan pembelian kereta kebal dari negara Poland," katanya.

-- BERNAMA

AFY AZZ LAT